

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (20)  
Tarikh: 27 November 2020

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2020  
TAMBAHAN KAEDAH PEROLEHAN PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM  
ECOMMERCE BAGI GERAN PENYELIDIKAN DAN TABUNG AMANAH DI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2020 Tambahan Kaedah Perolehan Pembelian Terus Melalui Platform Ecommerce Bagi Geran Penyelidikan Dan Tabung Amanah di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2020**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
Prof. Dato Sri/ Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### **TAMBAHAN KAEDAH PEROLEHAN PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM ECOMMERCE BAGI GERAN PENYELIDIKAN DAN TABUNG AMANAH DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang tambahan kaedah perolehan pembelian terus bagi melalui platform e-dagang bagi geran penyelidikan dan tabung amanah di Universiti Malaysia Pahang.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pembelian melalui platform e-dagang merupakan satu keadah pembelian yang paling digemari pada masa kini. Di antara laman web e-dagang yang paling terkenal dan mendapat sambutan di Malaysia adalah LAZADA, Shopee, Mudah.com, Lelong.com, eBay, Amazon dan sebagainya;
- 2.2 Pembelian melalui e-dagang mempunyai kelebihan seperti berikut :
  - i) Mudah dilaksanakan serta menawarkan harga yang lebih kompetitif, menguntungkan serta menjimatkan masa. Penyelidik/pemohon dapat membuat perbandingan harga dengan telus dan mudah bagi mendapatkan nilai pembelian yang terbaik;

- ii) Lebih dipercayai, selamat dan cekap kerana maklumat yang dipaparkan lebih tepat, terkini dan tidak mudah dimanipulasi oleh pihak lain;
- iii) Penyelidik/pemohon mempunyai lebih banyak pilihan kerana boleh membeli barangan dari luar negara yang tidak dijual dalam pasaran tempatan tetapi boleh dibeli secara atas talian.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 46 Kali 4/2020 bersetuju meluluskan tambahan kaedah perolehan pembelian terus bagi melalui platform e-dagang bagi geran penyelidikan dan tabung amanah.

### **3.0 TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM E-DAGANG**

3.1 Bagi tujuan penyelidikan, perundingan dan pengkomersilan, penyelidik UMP yang mempunyai geran penyelidikan dibenarkan membuat pembelian melalui platform e-dagang bagi bekalan dan peralatan yang boleh didapati dengan mudah dengan harga yang lebih murah tetapi hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) pembelian terhadap kepada nilai kurang RM3,000 sahaja;
- (ii) penyelidik/pemohon hendaklah bertanggung jawab terhadap pembelian yang dipesan dan hendaklah menepati spesifikasi yang diperlukan;
- (iii) pembelian bukan merupakan aset atau inventori seperti komputer, pendingin hawa atau aset/inventori lain walaupun nilai kurang daripada RM3,000.00;
- (iv) perbandingan harga mesti disediakan bagi pembelian melebihi nilai RM1,000.00 dengan membandingkan sekurang-kurangnya tiga(3) sebutharga termasuk sebutharga melalui e-dagang. Ahli Jawatankuasa Teknikal PTJ di kalangan yang mahir hendaklah mengesahkan penilaian spesifikasi dan permohonan perolehan;
- (v) penyelidik/pemohon dilarang memecah-kecil bagi mengelak pematuhan peraturan kewangan;
- (vi) peruntukan kewangan hendaklah mencukupi bagi setiap pembelian;
- (vii) permohonan pembelian hendaklah secara dalam talian dan diluluskan terlebih dahulu;

- (viii) pesanan tempatan tidak perlu dijana, sebaliknya dokumen permohonan pembelian yang telah diluluskan hendaklah dilampirkan dengan tuntutan bayaran;
- (ix) pembelian hendaklah menggunakan kad kredit/kad debit sendiri atau bayaran dalam talian yang lain dan hendaklah dilaksanakan selepas permohonan pembelian diluluskan oleh Ketua Jabatan. Penggunaan kad korporat PTJ tidak dibenarkan sama sekali;
- (x) tuntutan bayaran balik dibenarkan selepas semua syarat dipatuhi;

3.2 Seterusnya, pembelian melalui platform e-dagang juga dibenarkan bagi pembelian bekalan dan peralatan yang sepenuhnya menggunakan peruntukan tabung amanah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama seperti 3.1.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 27 November 2020.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 27 November 2020

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang